



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 14 APRIL 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5. 6.	410 KG SAYUR, BUAH DARI THAILAND DIRAMPAS, NASIONAL, BH-22 2,826 BOXES OF FROZEN BUFFALO MEAT SEIZED IN PENANG, NATION, NST-12 MAQIS RAMPAS 70,650 KG DAGING KERBAU INDIA, SINAR NEGERI TERENGGANU.P.PINANG, SH-27 DAGING KERBAU SEJUK BEKU DARI INDIA BERNILAI RM615,000 DIRAMPAS, LOKAL, BH-6 MAQIS RAMPAS 70 TAN DAGING IMPORT DARI INDIA, NASIONAL, BH-8 ANGGOTA KASTAM JAGA PINTU MASUK NEGARA DIGILIR, NASIONAL, BH-8	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7. 8. 9.	RM 4.25 BILION HASIL LAUT NEGARA 'DIROMPAK' NELAYAN ASING, MUKA DEPAN, BH-1 JABATAN PERIKANAN, NEGERI RUNDING PENGUATKUASAAN, NASIONAL, BH-3 PENCEROBOHAN NELAYAN ASING TAHAP KRITIKAL, NASIONAL, BH-3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10. 11.	TAKI AIR DIPENUHI SEMAK SAMUN, DALAM NEGERI, UM-33 PETANI MOHON MADA SEGERA BERSIHKAN SEMAK DI TALI AIR, NEGARA, KOSMO- 16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
12.	AGROBANK TUMPU PEMERKASAAN WANITA, INTERVIU, SH-7	AGROBANK
13.	PPK KUALA LANGAT, AGPGM, BANTU USAHAWAN TANI, EKONOMI, UM-36	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
14.	BERHENTI MAKAN TELUR PENYU ELAK KEPUPUSAN, NEGARA, KOSMO	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14.04.2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	33

# 410kg sayur, buah dari Thailand dirampas

**Padang Besar:** Sejumlah 410 kilogram (kg) sayur-sayuran dan buah-buahan dari Thailand, dirampas kerana disyaki cuba dibawa masuk ke negara ini tanpa permit import sah.

Produk dianggarkan bernilai RM3,120 itu dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Perlis, kira-kira jam 6 petang, Khamis lalu.

Pengarah MAQIS Perlis, Mohamad Arshad Raffin, berkata terdahulu anggota bertugas menahan sebuah lori dengan nombor pendaftaran negara jiran di Unit Kargo, Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (ICQS) Padang Besar, di sini.

"Pemeriksaan lanjut kemudian menjumpai kacang tanah,

buah mangga, ubi keladi dan ubi kemili seberat 410kg dianggarkan bernilai RM3,120.

"Namun, kita mendapati segala bekalan sayur-sayuran dan buah-buahan itu disyaki tidak mempunyai permit import sah.

"Susulan itu, kita merampas bekalan terbabit untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta sama.

"Jika sabit kesalahan, boleh dihukum denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya.



Noriah Dahlan

WORTH OVER RM614,000

## 2,826 boxes of frozen buffalo meat seized in Penang

**BUTTERWORTH:** The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized 2,826 boxes of frozen buffalo meat from India at the North Butterworth Container Terminal (NBCT) here yesterday.

State Maqis director Noriah Dahlan said checks on the four containers showed they failed to abide by the conditions of the import permit issued by Maqis.

She said all the containers failed to display the necessary information needed as stipulated in the import permit.

"The consignments, weighing 70,650kg and worth RM614,605.25, have been seized by Maqis for further action.

"The four containers will be probed under Section 15(1) of the Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728).

"The offence carries a fine of not more than RM100,000 or a jail term not exceeding six years, or both, upon conviction," she said.

The latest seizure comes less than a week after Maqis seized 3,748 boxes of frozen buffalo meat from India, also at the NBCT here.

One container each was seized by Maqis last Monday and Tuesday.

Checks showed the consignments were labelled using inaccurate information as stated in the halal certificate.

The seized consignments weighed 58,994kg and were worth RM603,932.76.

Noriah said Maqis viewed seriously the issue of food safety, disease control and risk of pest entry, which could affect the agriculture industry.

14.04.2021

SINAR HARIAN

NEGERI TERENGGANU.  
P.PINANG

27

## Maqis rampas 70,650 kg daging kerbau India

**BUTTERWORTH** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang menahan empat kontena yang membawa daging kerbau sejuk beku dari India pada jam 2.20 petang, Isnin.

Pengarahnya, Noriah Dahlan berkata, dalam pemeriksaan di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara, mendapati kontena itu membawa 70,650

kilogram (kg) daging kerbau dianggarkan bernilai RM614,605.

“Dagangan tersebut telah gagal dipamerkan maklumat yang dikehendaki pada syarat import permit yang telah diluluskan.

“Sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya,” katanya dalam kenyataan pada Selasa.



## Daging kerbau sejuk beku dari India bernilai RM615,000 dirampas



**Butterworth:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majlis) Pulau Pinang merampas lebih 70 tan daging kerbau sejuk beku dari India (*gambar*) bernilai hampir RM615,000 hasil pemeriksaan terhadap empat kontena di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini, jam 2.20 petang kelmarin.

Pengarah Maqis Pulau Pi-

nang Noriah Dahlan berkata, pemeriksaan terhadap kontena terbabit mendapati ia tidak mematuhi syarat permit import dikeluarkan pihaknya.

"Keseluruhan dagangan berkenaan juga gagal memamerkan maklumat yang dikehendaki pada syarat import permit yang diluluskan.

"Berikutan itu, semua daging kerbau sejuk beku ter-

babit dirampas untuk tindakan selanjutnya," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Sabit kesalahan pesalah boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya.

# MAQIS rampas 70 tan daging import dari India

Produk dianggar bernilai RM615,000 tak patuhi syarat permit

Oleh Nur Izzati Mohamad dan Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Butterworth:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang merampas lebih 70 tan daging kerbau sejuk beku dari India, dianggarkan bernilai hampir RM615,000 ketika membuat pemeriksaan ke atas empat kontena di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT), di sini.

Dalam pemeriksaan pada jam 2.20 petang kelmarin, terdapat empat kontena membawa masuk konsainan berkenaan dan hasil siasatan kemudian mendapati ia tidak mematuhi syarat permit import yang dikeluarkan MAQIS. Keseluruhan dagangan itu juga tidak disertakan maklumat yang dikehendaki pada syarat import permit yang diluluskan.

Pengarah MAQIS negeri, Noriah Dahlan dalam satu kenyataan semalam, berkata berikutan itu, semua daging kerbau sejuk beku dianggarkan seberat 70,650 kilogram (kg) dan bernilai RM614,605.25 terbabit, dirampas untuk tindakan selanjutnya.

"Kegagalan mematuhi syarat ditetapkan pada permit import MAQIS adalah kesalahan mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhid-



Daging import dari India yang dirampas di Terminal Kontena Utara Butterworth.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

matan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 15(2) akta sama.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara sehingga enam tahun atau kedua-duanya," katanya.

Di Putrajaya, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Ahmad Marzuk Shaary menasihatkan umat Islam tidak bimbang untuk mendapatkan daging halal ketika Ramadan dan Aidilfitri kerana ada banyak pilihan, namun perlu berhati-hati dengan merujuk dan mendapatkan sumber maklumat sahih sebelum membuat pembelian.

"Orang ramai boleh menyemak status halal melalui portal dan aplikasi Smart Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk maklumat mengenai be-

kalan daging yang disahkan halal," katanya pada Majlis Pelancaran Kembara Al-Amin Ramadan 1442 'Gerbang Ramadan Anda', semalam.

Mengenai isu kartel daging import, Ahmad Marzuk berkata, JAKIM memandang serius isu kartel yang membawa masuk daging diragui kualiti dan status halal.

Sehubungan itu, beliau menegaskan, jabatan berkenaan akan memperkukuh serta mempercepat proses mendapatkan pentaulihan persijilan halal.

"Tugas JAKIM hanya penguatkuasaan undang-undang dan mengiktiraf penstijilan halal kepada pihak yang layak, penguatkuasaan undang-undang di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan JAKIM sentiasa memberi kerjasama dengan semua pihak yang terbabit," katanya.

Ahad lalu, BH melaporkan po-

lis menerusi Op Kartel Daging yang dilancarkan di seluruh negara, membongkar kegiatan 19 syarikat pengedar daging sejuk beku import, termasuk yang diragui status halal, berkomplot mengedar lebih 1,000 tan produk dengan mengaut keuntungan tahunan sehingga RM52 juta.

Pada masa sama, polis mengesan dua dalang utama komplot itu berusia 42 dan 44 tahun, selain sudah menahan 36 suspek iaitu 34 pengarah syarikat dan dua pengurus berusia 28 hingga 67 tahun dalam operasi yang dilancarkan pada 9 April lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed dilaporkan berkata, berkata semua syarikat itu berkomplot dengan sebuah syarikat pengimport sah dari negara Brazil yang hanya layak mengimport sebanyak 27 tan daging bagi satu permit yang dikeluarkan.



# Anggota kastam jaga pintu masuk negara digilir

**Kuala Lumpur:** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) melaksanakan penggiliran penugasan kakitangannya yang menjaga pintu masuk negara dari semasa ke semasa bagi mengelakkan elemen salah laku dan rasuah.

Ketua Pengarah, Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir, berkata melalui unit siasatan dalam dan cawangan integriti, jabatan itu juga memantau penugasan kakitangan secara berterusan.

"Usaha memastikan integriti proses sedang berjalan. Kita membuat penjadualan bagi mereka yang bertugas di pintu masuk negara. Kita kerapkan giliran penugasan, maksudnya seseorang kakitangan tidak akan kekal di satu tempat hingga 10 tahun.

"Sebagai contoh, kalau di Johor sebagai negeri yang besar, kita gilirkan kakitangan di beberapa tempat seperti Bangunan Sultan Iskandar ataupun Johor Bahru," katanya sambil mengakui faktor manusia gagal menjaga amanah diberi kerajaan, menyumbang kepada kegiatan rasuah.

Abdul Latif mengulas laporan akhbar ini semalam bahawa kerajaan perlu memastikan tiga agensi yang memawal selia urusan pengimportan daging, bebas sepenuhnya daripada 'musuh dalam selimut' bagi mengelak kegiatan kartel daging import ber-

tapak semula.

Menurut sumber yang rapat dengan siasatan kartel daging import, siasatan susulan itu bukan mahu mencari kesalahan keti-ga-ketiga agensi terbit, tetapi lebih kepada langkah membersihkannya daripada segelintir kakitangan yang tidak amanah dalam menjalankan tugas.

Justeru, sumber itu berkata, siasatan susulan perlu dilakukan dan pada masa sama, mengenal pasti sebarang kelemahan dari segi prosedur dan



Abdul Latif Abdul Kadir

kawalan pengurusan import daging bagi membolehkan ia diperkemarkan.

Terdapat tiga agensi yang terlibat dalam mengawal selia urusan pengimportan bekalan daging negara iaitu Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pe-

meriksaan Malaysia (MAQIS), Jabatan Perkhidmatan Vete-

rinar (JPV) dan JKDM.

Abdul Latif menyifatkan peraturan sedia ada, khususnya mem-

babitkan undang-undang di pin-

tu masuk negara, sudah lengkap untuk membanteras kegiatan terbabit, namun kegagalan pihak tertentu menjaga integriti, menyumbang ke arah salah laku berkenaan.

"Integriti masing-masing, paturuan semua sudah lengkap. Mereka tahu apa yang dibuat itu salah, namun masih melakukan nya dan mencecari amanah di beri oleh kerajaan," katanya juga yakin kakitangan JKDM tidak bersekolong dalam isu 'musuh dalam selimut' memabatkan agensi kerajaan sehingga mem-

buka ruang untuk kartel daging import bebas melakukan urusan niaga sebelum ini.

# RM4.25 bilion hasil laut negara 'dirompak' nelayan asing

● 73 nelayan  
asing ditahan  
pada 2020

● 80 peratus  
babitkan kapal,  
nelayan dari  
Vietnam

Oleh **Suzalina Halid**  
suzalina@bh.com.my

**Putrajaya:** Malaysia kehilangan hasil sumber hidupan laut bernilai lebih RM4.25 bilion setiap tahun akibat pencerobohan nelayan asing di perairan negara.

Jabatan Perikanan Malaysia menyifatkan perbuatan nelayan asing menceroboh dan 'merompak' hasil laut negara kini berada pada tahap kritikal dan sekiranya tidak dibendung segera, ia

boleh mengancam sumber hidupan laut dalam jangka mangsa panjang.

Ketua Pengarah Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramly, berkata nilai kehilangan itu diperoleh berdasarkan kaji selidik dilakukan terhadap tangkapan kapal nelayan asing yang menceroboh perairan negara dan hasil rampasan daripada bot mereka.

Beliau berkata, hidupan marin di perairan Malaysia yang dikatakan bernilai tinggi diperca-

yai punca nelayan asing sanggup mengambil risiko menceroboh sempadan negara.

"Perairan negara juga masih kaya dengan sumber perikanan membawa kepada pencerobohan oleh nelayan luar.

"Malaysia adalah antara negara yang menjaga sumber hidupan lautnya, menyebabkan nelayan asing sering mengambil kesempatan, khususnya dari Vietnam.



Penceroobohan nelayan asing di perairan negara

# Jabatan Perikanan, negeri runding penguatkuasaan

**Kerjasama bolehkan tindakan perundangan terhadap kesalahan**

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Putrajaya:** Jabatan Perikanan kini berunding mendapatkan kerjasama kerajaan negeri untuk menguatkuasakan perundangan, Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan diambil terhadap pelbagai kesalahan berkaitan in-

dustri itu.

Ketua Pengarah Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramly berkata menerusi perundangan itu, jabatannya boleh mengatasi isu pemeliharaan ikan pemangsa secara baran, yang berpotensi mengancam ekosistem dan sumber perikanan darat, selain pembuangan kumbahan industri berkaitan ke sungai.

Bellau berkata, kaedah itu juga membolehkan Jabatan Perikanan bertindak terhadap mana-mana pengusaha premis akuakultur atau individu yang memelihara ikan pemangsa atau tindakan membuang kumbahan perikanan ke sungai, yang berisiko mencemarkan alam sekitar.

"Sebelum ini, kita tiada undang-undang yang membolehkan Jabatan Perikanan memasuki premis untuk mengambil tindakan kerana ia termaktub di ba-

wah peraturan dalam bidang kuasa kerajaan negeri.

"Justeru, kita berunding dengan kerajaan negeri untuk mengesyorkan satu enakmen yang membolehkan tindakan penguatkuasaan diambil. Sebagai contoh, jika seseorang itu memelihara ikan pemangsa dalam kolam ternakannya, kita boleh ambil tindakan dan kawal melalui enakmen ini pada peringkat premis lagi.

"Begitu juga dengan aspek pembuangan kumbahan kolam ke sungai, sebelum ini Jabatan Alam Sekitar (JAS) boleh mengambil tindakan selepas bahan itu berada di sungai, namun kita mahu ia dikekang dari premis lagi melalui enakmen ini.

"Pembuangan kumbahan (dari kawasan perikanan) ini boleh menyebabkan air sungai berbau busuk, sekali gus berisiko me-

nyebabkan ia tidak boleh diminum pengguna," katanya kepada BH, di sini.

Sebelum ini, ekosistem Sungai Perak dilaporkan berdepan ancaman ikan pemangsa, haung ekor merah atau nama saintifiknya *Hemibagrus wyckioides*, apabila terlepas akibat sangkar pemilikinya di Teluk Intan, pecah ketika dijernak secara secara haram.

Ahmad Tarmidzi berkata, hasil kerjasama yang dijalankan, ketika ini peraturan itu sudah dilulus dan dilaksanakan di Johor, Kelantan dan Melaka serta Wilayah Persekutuan.

"Melalui peraturan ini, jika didapati bersalah, mereka boleh dikenakan hukuman denda dan denda peralatan di premis, bergantung kepada kerajaan negeri," katanya.

Bellau berkata, pihaknya mengesan kemasukan ikan pe-

Sebelum ini, kita tiada undang-undang yang membolehkan Jabatan Perikanan memasuki premis untuk mengambil tindakan kerana ia termaktub di bawah peraturan dalam bidang kuasa kerajaan negeri

Ahmad Tarmidzi Ramly, Ketua Pengarah Perikanan



mangsa masih berlaku kerana ia boleh didapati di pasaran gelap, selain diseludup dalam bentuk benih menerusi pintu masuk negara.

"Pada peringkat benih ini, kita sukar nak kesan sama ada ia adalah spesies ikan pemangsa atau bukan, kerana rupanya hampir sama menyebabkan pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menyeludup," katanya.

# Penceroobohan nelayan asing tahap kritikal

Dari Muka 1

"Kita khuatir hasil hidupan laut ini semakin susut dan kajian mendapati negara kehilangan RM4.25 bilion setiap tahun akibat penceroobohan nelayan asing.

"Kebanyakan kes tangkapan nelayan asing membolehkan bot ikan yang tidak berdaftar dari Vietnam," katanya kepada BH.

Sumber perikanan negara diurus berdasarkan Akta Perikanan 1965 (pindaan 2019) bagi memastikan sumber perikanan kekal mampan dan boleh diwarisi kepada generasi akan datang.

Selain Jabatan Perikanan, agensi lain yang turut terlibat dalam menguatkuasakan Akta Perikanan ialah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Polis Marin dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Ahmad Tarmidzi berkata, Jabatan Perikanan melakukan tujuh tangkapan nelayan asing pada 2019 dan 2020.

Melalui Ops Naga yang diadakan secara bersepadu pula, 130 nelayan warga asing ditahan pada 2019 dan 75 nelayan asing pada 2020.

Katanya, 80 peratus daripada daripada keseluruhan tangkapan itu membolehkan penahanan kapal dan nelayan dari Vietnam.

Bellau berkata, tindakan ne-



Sebahagian bot nelayan Vietnam yang dirampas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia di perairan Terengganu, minggu lalu.

(Foto Ghazali Kori/BH)

layan asing yang menggunakan pukat tunda menyebabkan banyak 'hasil' negara, khususnya yang bernilai tinggi seperti sotong dan gamat, dicuri.

Sehubungan itu, Ahmad Tarmidzi menggesa agensi berkualiti, khususnya TLDM menambah

aset untuk mengawal pintu sempadan perairan negara daripada penceroobohan nelayan asing dan menyelamatkan hasil laut.

"Kita perlu kawal sepenuhnya pintu perairan negara untuk mengkekang penceroobohan nelayan asing kerana perbuatan itu su-

dah lama berlarutan.

"Kita faham, kekangan aset menjadi halangan untuk mengawal perairan negara sepenuhnya, namun usaha kerajaan melalui Ops Benteng banyak membantu," katanya.

Pelaksanaan Ops Benteng se-

jak tahun lalu membolehkan pelbagai agensi keselamatan bertujuan memperkukuhkan sempadan negara daripada dibolosi pematang asing tanpa izin (PATI), termasuk sempadan antarabangsa hingga daratan atau sebaliknya.

## Tali air dipenuhi semak samun

**JERLUM:** Kira-kira 500 petani di Kampung Matang Mahang, Kerpan di sini meminta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) segera menyelenggara kawasan tali air di situ yang dipenuhi semak samun bagi melancarkan proses penanaman padi.

Pengerusi Badan Bertindak Petani MADA, Che Ani Md. Zain berkata, tali air sepanjang tiga kilometer itu sepatutnya dibersihkan hujung Mac lalu untuk penyediaan tapak sawah bermula 14 April hingga Mei ini.

Bagaimanapun, katanya, masalah tersebut menyukarkan petani di kawasan tersebut menepati jadual penanaman padi yang dikeluarkan MADA.

"Tali air berkenaan penuh dengan semak samun dan sampah sehingga menyebabkan

air dari sungai utama tidak dapat mengalir masuk ke dalam sawah.

"Sekiranya sungai bersih tanpa semak samun, tempoh masa yang diperlukan untuk air memenuhi sawah petani di sini adalah kira-kira 15 hingga 25 hari sahaja," katanya di sini, semalam.

Katanya, masalah itu telah dimaklumkan kepada MADA melalui Ketua Unit Peladang pada minggu lalu namun belum ada tanda-tanda tindakan pembersihan dijalankan dalam masa terdekat.

"Saya sangat berharap MADA dapat mengatasi masalah ini secepat mungkin terutama daripada segi infrastruktur saliran dan pengairan untuk memudahkan petani mengikut jadual penanaman ditetapkan," katanya.



**TALIAN** air yang semak samun di Kampung Matang Mahang, Kerpan, Jerlun. - UTUSAN/MOHD. RIFAAT ABD. HAMID



## Petani mohon MADA segera bersihkan semak di tali air

**JITRA** – Kira-kira 500 petani di Kampung Matang Mahang, Kerpan di sini meminta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) segera menyelenggara kawasan tali air di situ yang dipenuhi semak samun bagi melancarkan proses penanaman padi.

Pengerusi Badan Bertindak Petani MADA, Che Ani Md. Zain berkata, tali air sepanjang tiga kilometer itu sepatutnya dibersihkan pada penghujung Mac lalu untuk penyediaan tapak sawah yang dijadualkan bermula 14 April hingga Mei depan.

Katanya, masalah tersebut menyukarkan petani untuk menepati jadual penanaman padi dikeluarkan oleh MADA.


"Tali air berkenaan penuh dengan semak samun dan sampah sehingga menyebabkan air dari sungai utama tidak dapat mengalir masuk ke dalam sawah.

"Sekiranya sungai bersih tanpa semak samun, air akan mengalir masuk sendiri ke kawasan sawah tanpa memerlukan penggunaan pam air," katanya ketika ditemui pemberita di sini semalam.

Menurut Che Ani, masalah itu telah dimaklumkan kepada MADA melalui ketua unit peladang pada minggu lalu namun belum ada tanda-tanda tindakan pembersihan akan dijalankan dalam masa terdekat.



CHE ANI



**KEADAAN** talian air yang dipenuhi semak samun sehingga menyebabkan air dari sungai utama tidak dapat mengalir masuk ke kawasan sawah di Kampung Matang Mahang.

"Saya sangat berharap pihak MADA dapat mengatasi masalah ini secepat mungkin terutamanya daripada segi infrastruktur

saliran dan pengaliran untuk memudahkan petani mengikut jadual penanaman ditetapkan," katanya.





## Agrobank tumpu pemerksaan wanita

**B**erbicara tentang pemerksaan wanita, bidang kewangan merupakan antara bidang terpenting yang turut melibatkan tenaga kerja wanita. Menyedari hal itu, Penanggung Tugas Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, pendekatan Agrobank bukan sekadar demi kemudahan kakitangan wanita, sebaliknya misi lebih besar adalah memperksa wanita dengan menawarkan kemudahan perancangan kewangan lebih baik. Itu termasuk bual wartawan Sinar Harian, NURHIDAYAH HAIROM bersama wanita besi ini di ibu negara baru-baru ini.

**SINAR HARIAN:** Apabila bercakap soal pemerksaan wanita, sejauh manakah Agrobank melihat peranan wanita dalam hal berkaitan kewangan dan industri?

**KHADIJAH:** Wanita secara amnya berperanan menyumbang kepada ekonomi. Pertama, wanita boleh terlibat dengan cara bekerja, tidak semestinya mendapat gaji bulanan tetapi keterlibatan mereka dalam perniagaan. Dari segi statistik, walaupun hanya 50 peratus wanita datang bekerja, ia boleh menyumbang kepada 20 peratus ekonomi negara dan pendapatan mereka boleh dinaik taraf. Dari segi pemerksaan, wanita sering dianggap golongan terpinggir, sudah tentu senario ini memestikan kuasa wanita untuk mempengaruhi perubahan positif. Itulah pentingnya kerajaan membuat polisi 30 peratus wanita dalam pengurusan yang bertujuan agar wanita faham wanita.

Sebagai contoh, dahulu pekerja wanita yang perlu masuk kerja mulai jam 9 pagi hingga 5 petang terpaksa berhenti kerja apabila mereka sudah berkeluarga. Namun dengan adanya kuasa wanita, tentunya kita mahu kekal kan wanita dalam pekerjaan, masa bekerja kini lebih fleksibel. Malah dalam Agrobank juga kita ada waktu khas bekerja untuk wanita, boleh masuk antara jam 8 pagi hingga 10 pagi dan waktu balik antara jam 4 petang hingga 6 petang. Kami juga beri ruang bekerja dari rumah. Agrobank sendiri mempunyai 10 jawatan tertinggi dan sehingga kini ada empat wanita yang mengisi jawatan ini. Dari segi Ahli Lembaga Pengarah, kita ada tiga wanita daripada tujuh orang. Apabila kita bercakap tentang wanita dalam industri, ia bukan tentang siapa lebih berkuasa tetapi tentang melengkapkan satu sama lain.

Kita bukan bercakap tentang persaingan kuasa tetapi kuasa wanita diperlukan agar lebih memahami keperluan pekerja wanita. Jika kita lihat zaman universiti, ramai perempuan namun apabila masuk alam pekerjaan, mereka 'hilang', mungkin kerana kadarnya fleksibiliti disebabkan

polisinya tidak cukup mesra wanita. Bila kita bercakap penglibatan wanita dalam ekonomi, tidak semestinya perlu keluar pergi bekerja. Wanita boleh bekerja dari rumah dengan mempunyai perniagaan sendiri kerana kita sudah ada teknologi.

Dari segi industri kewangan, Agrobank boleh bantu sekiranya wanita itu terlibat dalam pelagaian sama ada dari segi pembiayaan dan juga simpanan.

**SINAR HARIAN:** Sejauh mana wanita dilihat lebih dominan dan dipercayai dalam pengurusan kewangan, adakah statistik tertentu yang boleh menggambarkan atau membuktikannya?

**KHADIJAH:** Kita boleh lihat bukti jelas tentang kredibiliti wanita yang memegang jawatan pengurus di bank-bank. Tidak ketidpatan jika kita katakan kajian ada menunjukkan wanita lebih teiti apabila bercakap tentang industri kewangan berbanding lelaki. Sebab itu saya sebutkan, peranan wanita mahupun lelaki adalah lebih baik dari segi melengkapkan satu sama lain, bukannya berlumba-lumba.

Jika bercakap siapa lebih dominan atau tidak, ia bukan tentang siapa yang menjadi dominan atau kurang dominan. Tetapi bagaimana kita boleh bekerjasama berdasarkan keupayaan dan kecakapan masing-masing. Bagi saya, kerjasama akan lebih kuat berbanding fokus kepada satu gender semata-mata.

**SINAR HARIAN:** Kenapa wanita yang menjadi pilihan atau pengkhususan Agrobank dalam mewujudkan produk baru lalu Agro Farah-?

**KHADIJAH:** Pertama, kami mahu mencari produk khas untuk wanita sebagai penghargaan dalam usaha memperksakan wanita. Apabila kami bangunkan produk dan perkhidmatan, kami perlu fokus kepada golongan yang terpinggir iaitu wanita, orang kurang upaya (OKU) dan belia, bukan semata-mata untuk komersial sahaja. Wanita juga penting kerana produk baharu ini sesuai untuk golongan wanita bekerja dan tidak

bekerja. Bagi wanita yang tidak bekerja, penting untuk mereka mempunyai disiplin kewangan yang baik.

Kita banyak dengar kes apabila suami meninggalkan dunia akan mengambil masa memindahkan aset. Jadi lebih elok jika wanita mempunyai aset atas nama sendiri. Salah satunya adalah simpanan kewangan. Mereka juga boleh mempengaruhi anak-anak mereka dan suami, kerana itu produk Agro Farah-1 boleh serikan nama anak-anak dan suami.

**SINAR HARIAN:** Menelusuri Agro Farah-1, apakah kelebihan yang ditawarkan kepada golongan wanita?

**KHADIJAH:** Apabila membuka akaun dengan hanya serendah RM50, pemegang akaun akan mendapat keuntungan dan ia dikongsi bersama anak-anak dan suami. Jadi, sebab sahaja seseorang wanita membuka akaun Agro Farah-1, secara tidak langsung dia telah menggalakkan anak-anak dan suami membuka akaun dengan Agrobank dan masing-masing akan mendapat kelebihan. Dari segi keuntungan juga berbeza jika mereka membuka akaun secara sendiri. Jika melalui Agro Farah-1, mereka akan mendapat keuntungan yang lebih.

Dengan Agro Farah-1, apabila wanita mempunyai simpanan dan mahu memulakan perniagaan serta memulakan pembiayaan kewangan, pihak bank boleh lihat bagaimana aktiviti penyimpanannya. Jadi ia akan dapat membantu jika seseorang mahu melancarkan perniagaan pada masa akan datang.

**SINAR HARIAN:** Apakah pelan jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang diwujudkan bagi memulakan konsep pemerksaan wanita ini berjalan lancar seiring dengan wujudnya Agro Farah-?

**KHADIJAH:** Selain daripada Agro Farah-1, kami turut mempunyai produk pembiayaan khas lalu Mikro Agro Nisaa-1. Produk ini dimulakan apabila kami dapati wanita lebih berdisiplin dari segi pembayaran hutang. Dari segi statistik, wanita membayar hutang tepat pada masa berbanding lelaki. Apabila perniagaannya sudah berjaya,

mereka perlu menyimpan wang. Jadi Agro Farah-1 ini akan menjadi kemudahan tambahan buat mereka. Untuk masa akan datang, kami akan perkenalkan pula produk yang lebih baik misalnya berbentuk pelaburan emas.

Namun sebenarnya Agrobank telah mempunyai Ar-Rahnu. Kebanyakan pelanggan kita adalah usahawan. Mereka pajak barang kemas untuk dijadikan modal perniagaan dan sudah tentu kebanyakannya wanita.

Jika mahu membuat pembiayaan mungkin mengambil masa dan memerlukan sokongan dokumen dan sebagainya, oleh itu dengan menggunakan cara Ar-Rahnu ia adalah lebih mudah dan lebih baik.

Dari segi jangka pendek, Agrobank sebenarnya sudah lama menawarkan produk dan perkhidmatan untuk wanita. Secara tidak langsung kami memberi bantuan kemudahan kepada golongan wanita sejak dengan malar-malar kami untuk memperksakan golongan terpinggir termasuk golongan wanita.

**SINAR HARIAN:** Selain daripada Mikro Agro Nisaa-1 dan Agro Farah-1, boleh jelaskan kemudahan lain disediakan oleh Agrobank untuk golongan wanita.

**KHADIJAH:** Kami pernah laksanakan program khas untuk isteri-isteri nelayan bagi meningkatkan pendapatan isi rumah. Agrobank bantu mereka menjana pendapatan isi rumah ketika musim langgusuh.

Kami sediakan latihan yang mereka boleh lakukan seperti menjual keropok misalnya dengan cara memberi kemudahan pembiayaan.

Sebelum memperolehi pembiayaan, kami akan beri latihan kepada mereka tentang peluang-peluang yang ada dan bagaimana untuk memulakan perniagaan.

## PPK Kuala Langat, AGPGM bantu usahawan tani

**KUALA LUMPUR:** Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat bekerjasama dengan Ayam Gepuk Pak Gembus Malaysia (AGPGM) bagi meningkatkan pemasaran dan pengurusan pengeluaran bekalan makanan.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, kerjasama itu membantu dalam meningkatkan pendapatan usahawan tani terutama petani muda.

“Perjanjian ini bertujuan memperkasakan kerjasama strategik antara PPK Kuala Langat dan AGPGM. Ia juga dapat meningkatkan keberkesanan pemasaran dan mewujudkan pasaran industri makanan yang lebih luas.

“Objektif perjanjian ini juga dijangka dapat meningkatkan sumber pendapatan usahawan, menyumbang kepada



**PENGERUSI PPK Kuala Langat, Abdul Razak Khasbullah (kiri) dan Pengarah AGPGM, Mohd. Firdaus Abdul Wahid menunjukkan dokumen kerjasama sambil disaksikan oleh Nik Muhammad Zawawi, baru-baru ini.**

pengeluaran makanan negara serta menyediakan platform memasarkan produk berasaskan agro makanan pada harga yang berpatutan kepada pengguna,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara PPK Kuala Langat dan AGPGM di sini, baru-baru ini.



# Berhenti makan telur penyu elak kepupusan



## Analisis Semasa

Bersama  
**MOHD. AZLI  
ADLAN**

**PENYU** khususnya spesies belimbing amat sinonim dengan Terengganu sebagai ikon pelancongan negeri Pantai Timur.

Ironinya bukan sahaja penyu belimbing sudah lebih empat tahun tidak mendarat di pantai Terengganu, malah negeri itu satu-satunya di Malaysia yang masih membenarkan penjualan telur penyu secara terbuka.

Antara premis popular penjualan telur itu ialah Pasar Besar Kedai Payang, Kuala Terengganu.

Perjuangan persatuan-persatuan pencinta alam dan haiwan sejak sekian lama tentang pengharaman penjualan telur penyu akhirnya mendapat respons positif daripada kerajaan negeri.

Pengharaman secara total telur penyu di negeri itu akan dibentangkan menerusi pindaan Enakmen Penyu Terengganu 1951 (Pindaan 1987) pada Sidang Dewan Undangan Negeri yang dijadual pada November depan.

Namun, hasrat kerajaan negeri itu mendapat maklum balas berbelah bahagi dalam kalangan rakyat negeri yang sudah men-

jadikan amalan memakan telur penyu secara tradisi.

Sebaiknya, penggemar telur penyu disaran menjadikan bulan Ramadan ini sebagai permulaan untuk berhenti memakannya yang terbukti tidak mempunyai sebarang khasiat perubatan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, pihaknya akur ancaman kepupusan reptilia tersebut sudah sampai tahap kritikal pada masa ini.

"Sebelum ini, larangan penjualan telur penyu di Terengganu hanya melibatkan telur penyu belimbing, tapi spesies lain (agar, lipas dan karah) dibenarkan.

"Kita sedar penjualan telur penyu perlu diharamkan sepenuhnya demi memastikan kelestarian haiwan reptilia berkenaan," katanya kepada Kosmo!

Azman berkata, bukan sahaja penyu belimbing, spesies lipas juga sudah tidak mendarat di pantai-pantai Terengganu sejak sekian lama.

Katanya, dianggarkan lebih 50 ekor penyu mati, kebanyakannya disebabkan pencemaran dan kecuaiian manusia di perairan Terengganu sepanjang tahun lalu.

"Pindaan enakmen juga akan memperketatkan penguatkuasaan isu pencerobohan dan gang-

guan sarang penyu di negeri ini.

"Sudah masanya Enakmen Penyu Terengganu 1951 (Pindaan 1987) yang sudah berusia 34 tahun dipinda kerana sudah tidak relevan," katanya.

Tiimbalan Pengarah Jabatan Perikanan Terengganu, Rusman Rusdi berkata, hanya dua spesies penyu iaitu agar dan karah yang masih setia mendarat di pantai negeri tersebut untuk bertelur.

Beliau berkata, sebanyak 662,097 telur penyu agar telah ditemui di 8,433 sarang di seluruh negeri ini sepanjang tahun lalu.

"Sebanyak 443,721 telur penyu agar itu berjaya menetas sebagai anak. Bagi tempoh sama, hanya tujuh sarang penyu karah ditemui di pesisir pantai Terengganu.

"Sebanyak 290 daripada 599 telur penyu karah yang berjaya dikutip tersebut berjaya menetas menjadi anak," ujarnya.

Rusman berkata, lapan kawasan pendaratan penyu di Terengganu ialah Rantau Abang, Dungun, Geliga, Ma' Daerah, Kemaman; Cakar Hutan, Rhu Kudung, Pulau Redang, Kuala Nerus; Telaga Papan, Setiu dan Pulau Perhentian, Besut.

Jelas bellau, kawasan-kawasan pendaratan itu dijaga 43 pekerja yang melakukan rondaan pantai, pengumpulan dan penanaman telur penyu dan mengawal pencerobohan.